

10 JUN 2003

Mahathir-Peruntukan

MINTALAH PERUNTUKAN YANG BERPATUTAN, KATA PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA, 10 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan kerajaan-kerajaan negeri supaya tidak meminta peruntukan terlalu besar daripada Bajet 2004 kerana ia mungkin tidak dapat dipenuhi oleh kerajaan pusat.

Perdana Menteri berkata beliau mendapati permintaan kewangan kerajaan negeri kini mencecah sehingga RM1 bilion atau RM2 bilion.

Beliau berkata kerajaan negeri tidak seharusnya kecewa jika peruntukan mereka tidak dapat dipenuhi kerana melebihi kemampuan kerajaan pusat dan sebaliknya menerangkan sebab-sebabnya kepada rakyat.

"Saya harap rakyat akan faham kenapa permintaan mereka tidak dapat kita penuhi. Saya juga berharap kerajaan negeri dan para anggota Dewan Rakyat tidak memberitahu kepada rakyat 'kita minta tapi kerajaan pusat tak bagi'," katanya ketika memulakan Sesi Keempat dan terakhir Dialog Bajet 2004 di sini.

Dialog itu melibatkan perbincangan dengan menteri-menteri besar dan ketua-ketua menteri.

Dr Mahathir berkata wakil-wakil rakyat juga perlu memberikan perhatian bukan sahaja kepada soal keperluan fizikal serta isu kemiskinan dan kebajikan, kerana apa yang lebih kritikal ialah rungutan berkaitan jentera pelaksanaan dan penyampaian baik awam mahupun swasta.

Beliau berkata kerajaan membelanjakan berbilion ringgit termasuk untuk program "pre-emptive" bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat tapi jika pelaksanaan tergendala, pastinya rungutan rakyat akan berterusan.

"Dan kerajaan akan menerima pelbagai tuduhan termasuklah rasuah, penyelewengan dan lain lain," katanya.

Menurutnya, di bawah Pakej Strategi Baru yang diumumkan 21 Mei lepas, Program Kredit Mikro khusus untuk industri kecil dan sederhana (IKS), program perumahan dan infrastruktur luar bandar, program di bawah sektor pertanian dan perikanan serta kemudahan untuk nelayan akan dilaksanakan melalui pendekatan baru.

"Ianya bertujuan memastikan halangan yang wujud dalam sistem sekarang dapat diatasi dan objektif pakej (bagi merangsang semula kegiatan ekonomi) tercapai," katanya.

Pada sidang media yang sama Dr Mahathir ditanya mengenai pelantikan Menteri Pengangkutan baru menggantikan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang meletak jawatan.

Perdana Menteri berkata:"Insyaallah, mudah-mudahan, kalau tidak ada apa-apa aral, kita akan lantik."

Secara berseloroh, beliau berkata: "Saya kena mendapatkan pandangan media, siapakah yang anda fikir (calon yang sesuai)?"

Apabila wartawan berkata beliau telah berjanji membuat pengumuman selepas balik daripada lawatannya ke Jepun dan Perancis, Dr Mahathir sekali lagi dalam nada berseloroh berkata: "Saya sudah balik tetapi saya tidak kata sejurus atau tiga hari kemudian."

Dr Mahathir balik ke tanah air Jumaat lepas.

Dr Ling meletak jawatan sebagai presiden MCA pada 23 Mei dan seminggu kemudian Dr Mahathir menerima peletakan jawatannya daripada Kabinet.

Dr Mahathir turut menyentuh tentang peranan yang perlu dimainkan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan berhubung teknologi baru bagi pelupusan sampah dan sistem air kumbahan serta isu bekalan air bersih.

"Saya berharap perkara ini diberi keutamaan, khususnya bagi meyakinkan

orang ramai bahawa usaha kerajaan adalah untuk kebaikan jangka panjang ke arah meningkatkan kualiti hidup semua rakyat Malaysia," katanya.

Beliau turut berkata dalam sesi-sesi yang diadakan sebelum ini, antara isu yang dibangkitkan ialah globalisasi, daya saing negara, kos pengendalian perniagaan, "delivery system" dan karenah birokrasi.

Menurutnya, isu berkaitan tanah dan perlesenan masih ditimbulkan, sama seperti tahun-tahun sebelum ini.

Dr Mahathir berkata banyak yang meminta supaya perbelanjaan kerajaan dinaikkan tetapi pada masa yang sama mahu supaya cukai dikurangkan.

Beliau berkata ini mungkin sukar untuk dipenuhi.

Ditanya mengenai permintaan peruntukan terlalu besar oleh kerajaan negeri menerusi Bajet 2004, Dr Mahathir berkata "Pendapat sesetengah orang ialah Kerajaan Pusat ini mempunyai duit yang banyak, jadi mereka minta sajalah."

Beliau berkata kerajaan pusat, seperti juga kerajaan-kerajaan lain, sebenarnya mempunyai dana yang terhad.

"Kita pun (kerajaan pusat) macam orang lain juga, kita punya fund (dana) bukan unlimited (tidak terhad). Ia terhad dan kita perlu bijak membelanjakannya," katanya.

Menurut Perdana Menteri perbelanjaan yang tidak dibuat dengan berhati-hati akan mengakibatkan kerajaan berhutang dan seterusnya membawa masalah kepada negara.

-- BERNAMA  
SHI MAM NAK